



JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH,
SELANGOR, 55100 KUALA LUMPUR
NO TEL: 03- 4285 7007 / 03- 4285 7235

E-Mail: kas@mpaj.gov.my LAMAN WEB: <http://www.mpaj.gov.my>

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN ANJING

PEMOHON PERLU MENGEMUKAKAN SENARAI DOKUMEN SEPERTI BERIKUT

- i. 1 salinan kad pengenalan pemohon (depan dan belakang)
- ii. 1 keping gambar pemohon berukuran passport
- iii. 1 keping gambar penuh anjing yang hendak dilesenkan (berukuran poskad / saiz 4R)
- iv. 1 salinan surat / sijil suntikan bagi mencegah penyakit anjing gila daripada Jabatan Haiwan / Doktor Veterinar yang bertauliah.
- v. 1 salinan cukai taksiran
- vi. Gambar pandangan dari hadapan dan tepi rumah (Saiz 4R)
- vii. Surat Pengesahan oleh Doktor Veterinar bertauliah bahawa anjing telah dikembiri/dimandulkan (spay/neuter)
- viii. Surat Pengesahan Baka Anjing dari Doktor Veterinar bertauliah

SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN LESEN ANJING

- 1) Anjing yang telah mencapai umur 3 bulan hendaklah dilesenkan daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- 2) Semua pemilik anjing yang memelihara baka anjing dari jenis '**Mongrel**' dan '**MixBreed**' (**baka campuran**) berumur 6 bulan ke atas **DIGALAKKAN** untuk **MENGEMBIRIKAN/ MEMANDULKAN (spay/neuter)** anjing peliharaan masing-masing berdasarkan keputusan **Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Kemasyarakatan dan Teknologi Hijau Bil.05/2023.**

3) Bermula Januari 2024, kadar bayaran lesen anjing adalah seperti berikut :

BIL	JENIS PERMOHONAN LESEN	KADAR FI LESEN /EKOR ANJING (KEMBIRI) (RM)	KADAR FI LESEN /EKOR ANJING (TIDAK KEMBIRI) (RM)	TEMPOH SAH LAKU LESEN
1	Baru Dan Pembaharuan (<i>Renew</i>)	30.00	50.00	1 Tahun (12 Bulan) (Januari – Disember)

- 4) Setelah tamat tempoh, pemilik anjing dikehendaki memperbaharui lesen anjing seperti biasa. Walaubagaimanapun, pihak Majlis **BERHAK** untuk menarik semula lesen sekiranya terdapat aduan atau berlaku pelanggaran di dalam mana-mana syarat yang telah ditetapkan.
- 5) Mana – mana anjing yang berumur lebih tiga (3) bulan dijumpai terlepas bebas atau dijumpai di tempat awam, berpenyakit , menimbulkan kacauganggu kepada orang awam atau anjing dipelihara ditempat yang tidak dibenarkan dengan tidak memakai lencana / tag logam lesen , pihak Majlis **BERHAK** untuk merampas atau membinasakan anjing tersebut.
- 6) Lencana logam yang dikeluarkan oleh pihak Majlis hendaklah digantungkan di leher anjing sepanjang masa.
- 7) Jika terdapat pertukaran pemilik terhadap anjing yang telah dilesenkan, pemohon dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada pihak Majlis dalam tempoh 1 bulan dan bayaran sebanyak RM 5.00 akan dikenakan bagi setiap ekor anjing.
- 8) Jika anjing yang dipelihara mati/ hilang/dipindahkan ke tempat lain, pemilik anjing hendaklah memberitahu secara bertulis kepada pihak Majlis.
- 9) Semua anjing hendaklah disuntik setiap tahun bagi mencegah penyakit dengan ubat pencegah (vaccination DALD + PV) oleh Pegawai Veterinar atau mana-mana Doktor Veterinar yang bertauliah dan diiktiraf.
- 10) Pemilik anjing hendaklah mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat yang menunjukkan premis mempunyai anjing peliharaan.

- 11) Hanya **2 ekor anjing sahaja dibenarkan dipelihara di premis yang mempunyai keluasan 1000 meter persegi atau kurang.**
- 12) **Tiada seorang pun yang boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau membenarkan dipelihara atau dilindungi seekor anjing di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan. Anjing tidak boleh dipelihara di rumah yang mempunyai milikan jenis strata (mengikut Undang- undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MPAJ) 2007 dan Akta 318 – Hak Milik Strata.**
- 13) **Baka Anjing Terhad Dan Terlarang Yang Telah Dikacuk Boleh Dilesenkan.** Walaubagaimanapun, permohonan lesen adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - a) Mengikuti dan lulus Kursus Pengendalian Anjing (*Dog Handling Course*) yang dianjurkan oleh mana-mana pusat latihan yang diluluskan serta diiktiraf
 - b) Anjing itu telah mengikuti dan lulus kursus "*Canine Good Citizen*" yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan serta diiktiraf.
 - c) Anjing itu perlu dikembirikan (*spay and neuter*) dan mendapatkan pengesahan kesihatan fizikal daripada mana-mana doktor veterinar yang bertauliah dan diiktiraf.
 - d) Memelihara anjing itu adalah di bawah pengawasan pada setiap masa.
 - e) Memastikan bahawa anjing itu diikat dan ditutup mulutnya dan berada di bawah kawalan yang sepatutnya pada setiap masa bila mana ia dibawa keluar dari premis.
 - f) Memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran keluar dari tempat ia dipelihara.
 - g) Memastikan bahawa premisnya dipagar dengan selamat dan pagar itu disenggarakan dengan sepatutnya pada setiap masa.
 - h) Mempamerkan pada setiap masa papan tanda "AWAS ANJING" di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya.

14) Jenis anjing (**BAKA ASLI**) yang **TIDAK DIBENARKAN** dipelihara ialah :

- a) Akita
- b) American Bulldog
- c) Dogo Argentino
- d) Fila Brazilireo
- e) Japanese Tosa
- f) Neapolitan Mastiff
- g) Pit Bull Terrier / American Pitbull
- h) Staffonshire Bull Terrier

15) Pemilik anjing hendaklah:

- a) Menyelenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan bersih dan suci.
- b) Mengambil langkah yang perlu untuk memastikan anjing tidak mengganggu orang awam disebabkan salakan yang tidak berhenti-henti, merayau / berkeliaran di luar kawasan premis, menggigit atau mengganggu orang awam di tempat awam.
- c) Anjing hendaklah sentiasa diikat dengan pemasangan tali leher anjing dan sarung mulut (*muzzle*) yang sesuai apabila di bawa keluar dari premis dan pemilik **perlu memastikan anjing tidak membuang najis / kencing merata-rata dikawasan awam serta membawa beg plastik untuk mengutip najis bagi memastikan kebersihan persekitaran terjaga.**
- d) Membuang najis anjing dengan apa-apa cara yang tidak akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan kepada orang lain.

16) Segala peraturan adalah tertakluk kepada undang- undang dan arahan Majlis dari semasa ke semasa.

17) Pemilik anjing yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan dikenakan tindakan undang – undang di bawah Undang- Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MPAJ) 2007 (denda tidak lebih dari RM 2,000.00 ATAU penjara tidak lebih dari satu tahun ATAU kedua-duanya sekali).